



## Canselor saran UMP suburkan semangat kesukarelawan

Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Tengku Abdullah Sultan Haji Ahmad Shah menyarankan agar UMP menjadikan semangat sukarelawan (volunterism) sebagai agenda utama yang perlu diperkasa bagi pembangunan potensi dan bakat mahasiswa universiti.

Tegas baginda lagi, agenda sukarelawan yang direncana dengan cekap mampu memupuk nilai murni yang membentuk personaliti unggul seperti kepimpinan, keprihatinan, kasih sayang, tawaduk dan kesederhanaan.

"Melalui pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang menambah nilai kepada penterjemahan semangat kesukarelawan secara holistik, masa akan dapat merasai kepentingan peranan mahasiswa sebagai salah satu elemen dalam menjana pembangunan masyarakat.

"Tentu sekali, masyarakat akan menghargai komitmen para mahasiswa untuk turun ke lapangan bagi merasai sendiri denyut nadi di peringkat akar umbi melalui pelbagai projek dan aktiviti.

"Komitmen sebeginilah yang akan memaknakan slogan 'Mahasiswa Jurubicara Masyarakat,' titah baginda sempena Majlis Konvokesyen Kelima UMP pada 9 Oktober 2010 yang lalu.

Pada masa yang sama, baginda turut merakamkan ucapan tahniah kepada Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Adnan Haji Yaakob di atas pengurniaan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Pengurusan Teknologi).

***".....agenda sukarelawan yang direncana dengan cekap mampu memupuk nilai murni yang membentuk personaliti unggul seperti kepimpinan, keprihatinan, kasih sayang, tawaduk dan kesederhanaan."***

